NEXUS

RANGKUMAN ISU SEMASA MINGGUAN

EDISI#19

9 Mei 2024 – 15 Mei 2024



PENULIS NEXUS

KUMPULAN PENYELIDIK YAYASAN STRATEGIK LESTARI
DAN PENYELIDIK JEMPUTAN

www.yslestari.org.my/nexus

ISI KANDUNGAN

ADUN Lantikan Bukan Laba Politik 2

Urus Akaun Fleksibel Dengan Bijaksana 4

Protes Mahasiswa Mampu Ubah Dasar Kerajaan 6

SSL Lembu: Menteri Dalam Khayalan 9

Hutan Simpan di Perak Bakal Digondol 11

Pelihara atau Tebang Pokok Demi Komuniti? 14

NEXUS merupakan rangkuman isu semasa mingguan yang disediakan oleh kumpulan penyelidik Yayasan Strategik Lestari bagi mencerakinkan maklumat terkini menerusi lensa analitikal lalu dicerna oleh pembaca.

Segala ulasan yang dikepilkan adalah tanggungjawab pengulas sendiri. Para pembaca boleh berkongsi maklum balas menerusi emel: penyelidik@yslestari.org.my

ADUN Lantikan Bukan Laba Politik

- Speaker Dewan Undangan Negeri (DUN) Pahang pada hari akhir persidangan iaitu 13 Mei 2024, telah mengumumkan **pelantikan lima ADUN tambahan**. Empat dari mereka adalah mewakili parti politik, iaitu daripada UMNO, PKR, AMANAH dan MCA.
- Selain Pahang, Sabah dan Terengganu juga mempunyai undang-undang tubuh negeri yang membenarkan pelantikan ADUN tambahan **tanpa melalui pilihan raya**. Sabah memperuntukkan enam orang ADUN lantikan manakala Terengganu pula memperuntukkan empat orang.
- DUN Terengganu membenarkan pelantikan ADUN-nya dua wanita dan dua bukan Muslim. Pelantikan ini dibuat untuk memberikan peluang kepada **golongan wanita dan bukan Islam** untuk menjadi jurucakap di dalam DUN. Tugas mereka dalam DUN sama seperti ADUN lain, namun yang membezakan mereka hanyalah hak untuk mengundi sahaja.
- Begitu juga dengan Pahang, ketika usul melantik ADUN tambahan pada 20 November 2020, kerajaan ketika itu mengusulkan pindaan terhadap Perkara 18 Bahagian Kedua undang-undang itu dibuat.
- Ia memberi ruang kepada kerajaan untuk melantik lima ADUN daripada golongan berkaliber dan wakil kepada golongan tertentu atau golongan minoriti yang mungkin tiada dalam dewan untuk memberikan perkhidmatan lebih baik kepada rakyat. Kerajaan Pahang turut menegaskan ADUN lantikan tidak bersifat politiking malahan ia adalah berorientasikan rakyat.
- Atas justifikasi ini, usul kerajaan ketika itu **disokong dan diluluskan** dengan suara majoriti termasuk lapan (8) ADUN PAS. Manakala pembangkang yang diketuai oleh tujuh (7) ADUN DAP dan seorang daripada PKR bertindak keluar dewan sebagai tanda bantahan.

- Sesuatu yang melucukan apabila DAP dan PKR turut bersetuju dengan nama ADUN lantikan yang diusulkan oleh YAB Menteri Besar Pahang. Pada ketika usul ADUN lantikan ini dibuat empat tahu dulu, DAP dan PKR membantah dengan mendakwa lantikan itu melanggar prinsip demokrasi kerana mereka yang tidak mendapat mandat rakyat menerusi pilihan raya boleh berada dalam DUN Pahang.
- Selain itu mereka juga menyifatkan lantikan itu sebagai 'pintu belakang' dan berpendapat bahawa lantikan ini akan membabitkan implikasi kewangan.
- Jelas, dalam isu ini, PAS konsisten menerima lantikan ADUN mengikut cadangan asal iaitu harus diwakili golongan minoriti seperti Orang Asli dan orang India, serta orang kurang upaya atau profesional. Sokongan PAS sebelum ini seperti yang ditegaskan adalah dengan syarat ADUN lantikan dalam kalangan NGO atau kumpulan minoriti.
- Hakikatnya, ADUN lantikan haruslah mereka yang mewakili suara kelompok yang tiada suara mereka di dalam dewan. Suara mereka adalah suara rasmi yang menjadi golongan semak imbang serta *third force* kepada kerajaan.
- Keterbukaan menerima pandangan dan teguran secara rasmi pasti akan memanfaatkan pentadbiran negeri. Akhirnya rakyat juga yang beruntung.

RUJUKAN

- https://www.sinarharian.com.my/article/664571/edisi/pahang/pahang-umum-lima-adun-lantikan
- https://pitas2030.terengganu.gov.my/penghormatan-buat-wanita-adun-wanita-dilantik/
- https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2020/11/643976/dun-pahang-lulus-usul-lantik-5-adun-tanpa-pilihan-raya

Urus Akaun Fleksibel Dengan Bijaksana

- Pelaksanaan akaun 3 KWSP (Akaun Fleksibel) telah dilaksanakan bermula 11 Mei yang lalu sebagai satu pilihan kepada pencarum untuk mengeluarkan simpanan bagi **tujuan kecemasan**. Rujuk latar belakang skim ini dalam **NEXUS Edisi 15**.
- Sehingga ke hari ini, ramai ahli KWSP telah menyerbu pejabat KWSP untuk membuat pindahan ke Akaun 3. Walau bagaimanapun, jumlah pindahan dan pengeluaran tertakluk kepada **maksimum 10%** daripada baki Akaun Sejahtera. Pindahan ini dibenarkan sekali sahaja sehingga 31 Ogos. Keterbatasan ini dilihat penting bagi mengelakkan daripada ahli mengeluarkan wang sesuka hati sehingga memberi kesan kepada simpanan hari tua. Ada juga yang telah membayar hutang dan ada juga yang berbelanja untuk keperluan harian.
- CIMB Treasury and Markets Research menganggarkan jika setiap ahli memilih untuk memindahkan sebahagian baki Akaun Sejahtera mereka sekali sahaja sebagai amaun permulaan ke dalam Akaun Fleksibel, jumlahnya dijangka mencapai RM57 bilion.
- Namun, ada dalam kalangan ahli KWSP **tiada pelan** untuk menggunakan Akaun 3, bahkan mereka akan terus menggunakan Akaun Persaraan dan Akaun Sejahtera yang sedia ada bagi tujuan tertentu.
- Dr. Muhammad Hisyam Mohamad, Pengarah Pusat Kajian Ekonomi dan Kemasyarakatan di Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) pula berpendapat bahawa pencarum harus melengkapkan diri dengan pengetahuan pengurusan kewangan peribadi.
- Skim dilihat amat penting tatkala golongan M40 dan B40 **kurang berbelanja** kerana bergelut dengan peningkatan kos sara hidup yang tinggi. Bahkan ada

dalam kalangan M40 berasa jumlah yang dikeluarkan masih belum mampu memenuhi keperluan semasa.

- Ini kerana dalam pada kerajaan membuat **subsidi bersasar**, pengapungan harga RON95 dan diesel, dan penstrukturan tarif elektrik, pengeluaran ini dijangka hanya mengurangkan kemarahan orang ramai dan menyelesaikan isu kos sara hidup isi rumah dalam jangka masa pendek.
- Tidak dinafikan akaun fleksibel ini penting kepada yang memerlukan, namun dalam hal ini kita perlu berhati-hati dengan 'scammer' yang memata-matai kita. Elakkan melayan nombor telefon yang tidak dikenali.
- Skim ini dilihat memenuhi sebahagian tuntutan **pengeluaran bersasar KWSP** 2.0, antaranya oleh Pertubuhan Warisan Rakyat Prihatin Malaysia (PWRN), Pertubuhan Gagasan Inovasi Rakyat Malaysia (PGIRM) dan sebagainya bagi membantu memulihkan ekonomi keluarga dan meningkatkan taraf hidup ke arah yang lebih produktif.
- Pengeluaran KWSP dijangka menyumbang kepada peningkatan KDNK yang disumbang oleh perbelanjaan domestik tahun ini. Ini dilihat sebagai langkah alternatif kepada pemberian dana (*cash transfer*) bagi meningkatkan kuasa beli pengguna. Walau bagaimanapun, perlu diperhatikan sejauh mana skim ini menyumbang kepada peningkatan hutang domestik dalam jangka masa terdekat di mana hutang domestik memang sedia tinggi sekarang.

RUJUKAN

- https://www.thestar.com.my/metro/metro-news/2024/05/10/m40-families-spending-less

Protes Mahasiswa Mampu Ubah Dasar Kerajaan

- Gelombang **protes besar-besaran pelajar** di Amerika Syarikat (A.S) dan beberapa negara Eropah terhadap pendirian serta dasar-dasar negara berhubung isu genosid dan kezaliman oleh rejim Zionis di Gaza kini dilihat semakin meruncing dan menggugat pentadbiran kerajaan di Barat.
- Di A.S, Universiti Columbia di New York City menjadi salah satu **pusat protes terawal** yang bermula sejak November tahun lalu. Para pelajar bertindak melakukan kempen-kempen bantahan dan mendirikan khemah di dalam kawasan kampus bagi menunjukan bantahan. Kini, ramai di kalangan mereka berdepan hukuman penggantungan semester selain tindakan keras oleh polis yang dipanggil oleh Presiden universiti.
- Tindakan ini mewujudkan **gelombang solidariti** dalam kalangan fakulti dan pelajar lain, yang membawa kepada protes lebih besar merebak ke universiti-universiti terkemuka di A.S seperti Universiti New York, Universiti Yale dan Universiti Harvard.
- Sementara itu, di Perancis, para pelajar dari Universiti Sorbonne dan Sciences Po telah mengadakan tunjuk perasaan, meminta universiti mereka menilai dan memutuskan hubungan dengan apa-apa institusi berkaitan dengan negara haram Israel.
- Manakala di United Kingdom (UK), Universiti Warwick dan Universiti Leicester turut melihat pergerakan pelajar yang serupa. Di Jerman, Universiti Berlin dan Universiti Amsterdam di Belanda, juga telah menyaksikan demonstrasi oleh pelajar yang masih tidak berkesudahan malahan terus memuncak. Protes ini terus konsisten memberi tumpuan kepada tuntutan untuk pihak universiti memutuskan hubungan akademik dan kewangan dengan institusi berkaitan Israel.

- Gelombang protes ini secara keseluruhannya menandakan rasa tidak puas hati yang mendalam anak-anak muda di Barat terhadap dasar Israel di Gaza dan mencerminkan keinginan global untuk melihat perubahan dalam pendekatan universiti dan kerajaan mereka menangani konflik kemanusian terburuk abad ini.
- Kecaman terhadap tindakan keras kepada penunjuk perasaan dan solidariti yang timbul daripada pelbagai pihak menunjukkan betapa pentingnya **dialog dan tindakan sebenar** berhubung isu ini dalam kalangan ahli akademik dan pelajar antarabangsa.
- Sementara itu, Presiden A.S, Joe Biden turut dilihat gusar dengan perkembangan protes pelajar di negara tersebut. Biden menggesa agar segala tindakan tegas dilakukan pihak universiti termasuk mengerahkan campur tangan polis bagi menyuraikan protes yang didakwa beliau kononnya bersifat ganas dan menjejaskan keselamatan negara.
- Namun, tindakan membawa masuk ratusan polis ke kampus serta penahanan ratusan pelajar serta warga pendidik universiti dilihat mencetuskan persoalan sejauh mana **kebebasan bersuara dan akademik** dihormati oleh sebuah negara yang sering mendabik dada sebagai kuasa demokrasi dunia.
- Tindakan keras sama terhadap para pelajar yang melakukan protes aman ini turut berlaku di negara-negara Barat lain seperti U.K, Perancis, Jerman, Belanda, Itali, Sepanyol dan Switzerland. Tindakan ini sekali gus menunjukkan sikap hipokrit pemimpin-pemimpin negara Eropah meskipun segala bukti penindasan dan pelanggaran hak asasi manusia jelas berlaku di Gaza.
- Keberanian pelajar di A.S dan Eropah ini perlu menjadi iktibar kepada gerakan pelajar seluruh dunia dalam menyampaikan mesej penting kepada golongan elit yang menguasai sesebuah kerajaan. Justeru, sebarang tindakan kerajaan yang bersifat zalim serta menganiaya rakyat wajar ditentang oleh golongan-golongan terpelajar terutama warga mahasiswa dan pendidik.

RUJUKAN

- https://www.bharian.com.my/kolumnis/2024/05/1245190/protes-mahasiswa-pro-palestin-di-eropah-ubah-politik-dunia
- https://www.kosmo.com.my/2024/05/08/protes-pelajar-universiti-merebak-ke-eropah/
- https://www.cbsnews.com/newyork/news/columbia-past-protests/
- https://abcnews.go.com/US/wireStory/columbia-universitys-complex-history-student-protest-movement-echoes-109736570

SSL Lembu: Menteri Dalam Khayalan

- Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan Datuk Seri Mohamad Sabu menyatakan negara yakin capai sasaran 50% tahap sara diri (SSL) bagi **sektor daging lembu** menjelang 2030.
- Beliau berkata ia mampu dicapai melalui pengembangan pelbagai **inovasi** yang diteroka Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) serta keterbukaan industri mengaplikasikan teknologi baharu seperti kecerdasan buatan (AI) dalam sektor ternakan.
- Sebelum ini beliau turut menyatakan kerajaan sedang menyasarkan untuk memperluas **penternakan lembu secara fidlot** iaitu membangunkan semula ladang mega ternakan lembu bagi memenuhi keperluan bekalan daging tempatan bagi mencapai sasaran itu.
- Menjadi persoalan di sini bagaimanakah SSL bagi sektor daging itu akan dicapai kerana data daripada Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) menunjukkan sektor itu mengalami **penurunan saban tahun**.
- Berdasarkan data tersebut, SSL bagi sektor lembu sudah mengalami penurunan sejak 2017 dengan kadar 24.2% kemudian turun 23.7% (2018), 23.2% (2019), 21.3% (2020), 18.9% (2021) dan terbaru 14.7% (2022).
- Penurunan itu sekali gus menunjukkan bahwa sasaran yang diletakkan kerajaan dalam Dasar Agromakanan Negara (DAN) bukan sahaja kurang mencapai sasaran, malahan turun daripada kadar asal dasar itu dibuat.
- Jawapan menteri itu seolah-olah mengulangi apa yang terkandung dalam dasar itu **tanpa ada kajian penilaian** semula ke atas dasar tersebut walaupun data menunjukkan sebaliknya.
- Menteri sepatutnya lebih maklum tentang perkara ini, apatah lagi kadar **kebergantungan import** untuk daging lembu/kerbau itu mencecah 85.6%

walaupun penggunaan (tan metrik) masih statik sejak tahun 2016 lagi. Begitu juga, satu kajian semula ke atas dasar pertanian perlu dijalankan agar kita boleh mengambil pendekatan yang lebih baik untuk mencapai sasaran negara.

RUJUKAN

- https://www.astroawani.com/berita-malaysia/malaysia-yakin-capai-50-peratus-tahap-sara-diri-sektor-daging-2030-mohamad-sabu-470504
- https://www.dvs.gov.my/dvs/resources/user_1/2022/BPSPV/Perangkaan%202021.2022/1)_Buku_Perangkaan_Ternakan_2021_2022_Keseluruhan.pdf
- https://www.fama.gov.my/dasar-agromakanan-negara-2.0-dan2.0-

Hutan Simpan di Perak Bakal Digondol


- **Projek ladang kayu hutan** berkeluasan 4,280 hektar akan dibangunkan di Hutan Simpan Kledang Saiong yang terletak di antara kawasan Kuala Kangsar dan Ipoh bermula tahun ini. Keluasan hampir 6,000 padang bola sepak itu akan ditanam dengan hasil hutan dalam bentuk kayu secara monokultur dengan eucalyptus, khaya dan kelampayan menjadi pilihan utama.
- Tapak pembangunan dan operasi ladang ini akan dibangunkan **sehingga 50 tahun** dan diuruskan oleh empat pengendali:

Syarikat	Keluasan (hektar)
Sri Kruing Sdn Bhd	1,329
Rimba Kembara Sdn Bhd	1,280
Rimbun Cengal Sdn Bhd	1,071
Seri Tualang Sdn Bhd	600

- Laporan penilaian kesan alam sekitar (EIA) mendapati kawasan itu diklasifikasikan sebagai **kawasan sensitif alam sekitar** peringkat 2 yang membolehkan pembalakan mampan dan pelancongan berimpak rendah, namun bukan untuk pembangunan fizikal dan aktiviti pertanian.
- Bagaimanapun, projek ini telah **mendapat kelulusan EIA** dan Rancangan Pengurusan Ladang Hutan (RPLH) pada Disember 2023, selain Menteri Besar Perak telah menyembah maklum kepada Sultan Perak berhubung projek ini.
- Beberapa NGO mendakwa laporan EIA itu memihak dan berat sebelah memandangkan ia disediakan oleh sebuah syarikat perunding yang dilantik oleh pihak pemaju projek sendiri. Pihak NGO telah menyerahkan memorandum bantahan cadangan projek tersebut kepada wakil Pejabat

Sultan Perak bagi memohon **campur tangan Sultan Nazrin** agar projek dibatalkan.

- Salah satu tuntutan yang terkandung dalam memorandum itu ialah agar pihak berkuasa negeri mematuhi ketetapan Mesyuarat Majlis Tanah Negara ke-79 pada 2 Disember 2024 yang bersetuju secara prinsip mengenai pelaksanaan **moratorium kelulusan baharu** penubuhan ladang hutan dalam hutan simpan kekal di Semenanjung selama 15 tahun.
- Menteri Besar Perak membidas tuntutan berikut kerana kawasan yang dicadangkan bagi projek itu merupakan sebahagian daripada 6,000 hektar dalam Zon Pembangunan Ladang Hutan (ZPLH) yang dibenar dan diperuntukkan kepada Perak sebelum moratorium dibentuk.



- Terdapat beberapa **implikasi negatif** apabila projek ini dibangunkan kelak, antaranya kemusnahan habitat perayauan untuk beberapa hidupan liar yang dilindungi serta terancam seperti burung enggang tebang mentua (*helmeted hornbill*) dan kura-kura coklat Asia.
- Begitu juga terdapat **perkampungan orang asli** yang akan terkesan seperti Kampung Orang Asli Bukit Chermin kerana hutan simpan tersebut menyediakan sumber pendapatan, bekalan air dan makanan selain berpotensi kehilangan aktiviti pengumpulan hasil hutan bukan kayu.

- Menerusi satu projek ini sahaja, beberapa kesalahan dilakukan oleh beberapa pihak iaitu pentadbir negeri, syarikat pemaju dan firma perundingan semata-mata mahu mengejar keuntungan tanpa memikirkan akibatnya untuk jangka masa panjang.

RUJUKAN

- https://www.malaysiakini.com/news/650548
- https://www.astroawani.com/berita-malaysia/projek-pembangunan-ladang-hutan-simpan-kledang-saiong-terima-kelulusan-eia-rplh-450574
- https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/07/1124676/laporan-eia-ladang-hutan-kledang-saiong-didakwa-berat-sebelah
- https://www.kosmo.com.my/2023/09/12/penduduk-kampung-mahu-hantar-memorandum-kepada-pm-bantah-projek/

Pelihara atau Tebang Pokok Demi Komuniti?

- Apabila musim hujan, media kerap melaporkan tentang **insiden pokok tumbang** terutamanya di kawasan bandar. Insiden pokok tumbang yang dilaporkan di hadapan Kuwait Bank berdekatan Jalan Pinang bukanlah insiden pertama. Malah sebelum ini, telah berlaku insiden yang sama di Jalan Sultan Ismail di mana kejadian itu telah menyebabkan sekurang-kurangnya seorang maut dan seorang lagi cedera.
- Susulan daripada kejadian tersebut, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), Dr Zaliha Mustafa telah mengarahkan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) untuk mengambil tindakan untuk **menebang pokok yang berisiko tinggi**.
- Selain itu, kerajaan juga telah mengarahkan DBKL untuk meneliti semula Pelan Pengurusan Pokok Rendang 2019 dan menyediakan satu **garis panduan** bagi mengurus pokok-pokok yang berusia sekitar 50 sehingga 80 tahun atau berisiko tinggi mengancam keselamatan awam.
- Pelan Pokok Rendang 2019 merangkumi dasar dan garis panduan seperti Dasar Landskap Negara, panduan penanaman pokok teduh, manual pemangkasan pokok ameniti, panduan menangani serangga perosak pokok ameniti, kesan abiotik terhadap pokok ameniti, pengurusan dan penyakit pokok, serta piawaian penyelenggaraan lanskap.
- Selain itu, salah satu punca negara masih lagi menghadapi masalah dalam menguruskan pokok yang berusia adalah disebabkan **negara kekurangan pakar tumbuhan berkayu** (arboris) yang berperanan untuk memantau kesihatan dan mengaudit pokok-pokok yang ditanam oleh kerajaan tempatan. Pensyarah Fakulti Perhutanan dan Alam Sekitar Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof. Madya Mohd Nazre, bilangan arboris yang mencukupi

dalam agensi kerajaan atau tempatan akan memudahkan kerja-kerja mengaudit pokok-pokok tua.

- Tambahannya pula, negara perlu menambah baik modul yang dikeluarkan oleh Pertubuhan Arborikultur Antarabangsa (ISA) agar ia bersesuaian dengan realiti ekosistem dan iklim tempatan. Hal ini kerana, modul pentauliahan yang dikeluarkan oleh ISA lebih tertumpu kepada spesies pokok yang terdapat di Barat.

- Menurut Presiden Institut Arkitek Landskap Malaysia (ILAM), Profesor Madya Nor Atika Ismail, beliau berkata cadangan untuk **memindahkan pokok yang berusia** bagi tujuan pemuliharaan bukanlah alternatif yang baik kerana ia akan memudaratkan sistem ekologi tumbuhan tersebut. Beliau juga menyatakan bahawa kos pemindahan sesebuah pokok adalah sangat tinggi dan memerlukan teknikaliti yang tinggi.

- Namun begitu, dalam menangani isu ini, antara aspek yang perlu dipertimbangkan oleh kerajaan dan rakyat tempatan bukanlah sekadar faktor risiko dan keselamatan semata-mata. **Stigma negatif** terhadap pokok besar tidak boleh menjadi faktor besar untuk menghapuskan pokok-pokok di bandar. Hal ini kerana, hidupan flora juga sangat penting bagi mengimbangi nadi kehidupan bandar yang lestari dan mampan.

- Kajian membuktikan bahawa pokok penting bagi menjamin kelestarian alam, menstabilkan suhu di kawasan hutan bandar dan mengurangkan kesan pemanasan global. Penanaman pokok teduh pula berfungsi untuk menghalang angin dan mencegah hakisan tanah apabila hujan. Apabila pokok menjalankan aktiviti fotosintesis pada waktu pagi, ia akan menyerap karbon dioksida sekali gus mengurangkan kesan pemanasan global.

- Kerajaan melalui kerajaan tempatan perlu mempergiat lagi advokasi mendidik masyarakat terutamanya yang tinggal di bandar untuk memahami kepentingan pokok dari aspek bandar lestari. Selain itu, peranan kerajaan

tempatan untuk mengaudit dan memantau pokok-pokok yang ditanam oleh pihak tertentu bagi membangunkan lanskap bandar yang indah, bersih, selamat serta mampan.

RUJUKAN

- https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/05/1090062/5-lokasi-terjejas-kejadian-pokok-tumbang-sekitar-kuala-lumpur
- https://www.astroawani.com/berita-malaysia/pemindahan-pokok-tidak-disaran-kerana-ia-memudaratkan-sistem-ekologi-pakar-470587
- https://www.astroawani.com/berita-malaysia/arboris-tempatan-terlalu-sedikit-daripada-jumlah-diperlukan-pakar-470581


YAYASAN STRATEGIK LESTARI
SEACOFSS 2024
SOUTHEAST ASIA CONFERENCE ON FOOD SECURITY AND SUSTAINABILITY
"Nourishing Futures: Sustainable Food Security with Climate Smart Solutions"
17th - 18th November 2024
Hotel Perdana Kota Bharu, Kelantan
REGISTRATION SEACOFSS 2024
PRESENTER PARTICIPANT
Early Bird Before 30 June 2024
Normal
Non-presenter
RM650 (local) USD300 (International)
RM800 (local) USD400 (International)
RM100/USD30 (Student) RM200/USD60 (Professional)
Publication:
Journal of Sustainability Science and Management
JURNAL KEJURUTERAAN
All accepted papers will be published in SEACFOSS 2024 Proceeding with ISSN.
Selected papers will be given the opportunity to publish in WOS and/or Scopus indexed journals, with compulsory publication fee to be paid by the authors.
Important Dates:
Call for abstracts deadline: 19 May 2024
Early bird registration deadline: 30 June 2024
Registration deadline: 8 September 2024
FOR FURTHER INFORMATION PLEASE CONTACT
1. Pengarah : Cik Hanisah Abd Rahman
Whatsapp: 60139805362
E-mail : hanisah@yslestari.org.my
2. Promotion : Dr Siti Hasanah Osman
HP : 60132584302
E-mail : hasanahosman17@gmail.com
Southeast Asia Conference on Food Security and Sustainability (SEACOFSS 2024)
Committee Yayasan Strategik Lestari (YSL)
Unit A-2-16, CoPlace 2, Blok 2260, Jalan Usahawan 1,
Cyber 6, 63000 Cyberjaya, Selangor Darul Ehsan
Office No: +603-8322 5122
E-mail: info@seacofss.com / penyelidik@yslestari.org.my
All payment should be in the form of online transfer/ cheque/bank drafts / purchase order, payable to:
Account holder: TALENT EDGE CONSULTING SDN BHD
Bank: CIMB BANK
Account number: 8605611971
Swift Code: CTBBMYKL
Remarks: SEACOFSS2024
Yayasan Strategik Lestari | www.yslestari.org.my | Email: info@seacofss.com | http://www.seacofss.com

PENCARIAN
PENULIS E-MAJALAH NEXUS+

EDISI KE-2

TEMA PENULISAN



KELEBIHAN

- ✓ Nilai tambah portfolio dalam resume
- ✓ Idea/karya akan dijadikan rujukan umum
- ✓ Kredit nama dalam penerbitan majalah dengan perakuan pendaftaran e-ISSN

TERMA DAN SYARAT

1. Artikel mestilah ditulis sama ada dalam **Bahasa Melayu** atau **Bahasa Inggeris**.
2. Teks hendaklah ditulis dalam fon **Arial**, dengan **saiz 14 untuk tajuk**, saiz **12 untuk perenggan, *justify*** dan **1.5 jarak perenggan**.
3. Jumlah perkataan untuk artikel hendaklah di antara **600-700 patah perkataan**, tidak termasuk tajuk, maklumat pengarang, rujukan dan sebarang lampiran.
4. Semua artikel yang dihantar **hendaklah mengikut tema** yang ditetapkan.
5. **Rajah boleh dikepilkan (jika perlu)** dan kapsyennya mestilah diletakkan di bahagian bawah imej (tengah).
6. Jadual (jika perlu) dan kapsyennya mestilah diletakkan di atas jadual.
7. Artikel hendaklah dihantarkan kepada emel: **penyelidik@yslestari.org.my**.

TARIKH TUTUP: 23 JUN 2024

YAYASAN STRATEGIK LESTARI

Yayasan Strategik Lestari
www.yslestari.org.my

SUSTAINABLE DEVELOPMENT GOALS



NEXUS

RANGKUMAN ISU SEMASA MINGGUAN

YAYASAN STRATEGIK LESTARI

Maklumat lanjut mengenai penerbitan
Rangkuman Isu Semasa Mingguan
boleh didapati di:

www.yslestari.org.my/**nexus**

© **Hak Cipta Terpelihara**